

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

ATW102 - EKONOMI UNTUK PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Soalan 1

- (a) Terangkan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan
- (i) pengeluaran.
  - (ii) input.
  - (iii) input tetap.
  - (iv) input berubah.
  - (v) jangka pendek.
  - (vi) jangka panjang.
- (b) Berapa lamakah tempoh masa untuk menentukan jangka panjang? Terangkan.
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan fungsi pengeluaran? Terangkan. Mengapa perlunya diadakan analisis pengeluaran firma?
- (d) Apakah perhubungan di antara kelok produk sut (marginal product) dan kelok produk purata (average product) bagi sesuatu input berubah?
- (e) (i) Terangkan bagaimana hukum pulangan berkurangan digambarkan oleh bentuk kelok jumlah produk?
- (ii) Apakah perhubungan di antara pulangan berkurangan dengan tahap pengeluaran?

[Tunjukkan lakaran jika perlu]

[25 markah]

...2/-

Soalan 2

- (a) Terangkan perbezaan di antara kos ekonomi dan kos perakaunan? Bagaimanakah perkiraan dibuat untuk menentukan keuntungan ekonomi bagi firma.
- (b) Terangkan perbezaan di antara kos sut (marginal cost) dan kos peningkatan (incremental cost).
- (c) Di dalam membuat keputusan oleh pihak pengurus, bagaimanakah kos tenggelam (sunk cost) dipertimbangkan? Terangkan.
- (d) (i) Buatlah lakaran kelok untuk jangka pendek bagi menunjukkan jumlah kos (total cost) dan kos berubah (variable cost) dan kelok untuk menunjukkan asas per unit?
- (ii) Mengapakah kelok purata jumlah kos (ATC) mencapai titik paling rendah selepas titik paling rendah kelok purata kos berubah (AVC)?
- (iii) Mengapakah kelok kos sut (marginal cost) bersilang daripada bawah kelok purata kos berubah (AVC) dan kelok purata jumlah kos (ATC) pada titik yang paling rendah kedua-dua kelok.
- (e) Di bawah ini diberikan penjadualan kos bagi satu firma pengeluaran:

Kuantiti (Q)	0	1	2	3	4	5
Jumlah kos (TC) dalam RM	30	50	60	81	118	180

- (i) Buatlah penjadualan bagi jumlah kos tetap (total fixed cost - TFC) dan jumlah kos berubah (total variable cost - AVC). Dan daripada penjadualan ini kirakan dan bentukan penjadualan bagi purata kos tetap (average fixed cost - AFC), purata kos berubah (average variable cost - AVC), purata jumlah kos (average total cost - ATC), dan kos sut (marginal cost - MC).
- (ii) Buatlah graf daripada penjadualan di atas.

[25 markah]

...3/-

Soalan 3

- (a) (i) Di dalam pengajian ekonomi pengurusan, permintaan merupakan fokus utama firma terhadap produknya; mengapa perlu dibuat kajian tentang teori permintaan pengguna?
- (ii) Apakah perbezaan di antara barangan murahan (inferior goods) dan barangan normal (normal goods)?
- (iii) Apakah perbezaan di antara kesan gantian (substitution effect) dan kesan pendapatan (income effect)?
- (iv) Apakah perbezaan di antara kuantiti permintaan dengan perubahan permintaan?
- (b) (i) Apakah faktor-faktor penentuan fungsi permintaan yang dialami oleh firma yang menjual barangan/komoditi?
- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan barangan pengeluaran (producer goods) dan permintaan terbitan (derived demand)?
- (iii) Mengapa permintaan bagi barangan "tahan lama" (durable goods) kurang mantap permintaannya berbanding barangan yang "bukan tahan lama" (non durable goods)?
- (c) Koefisien pendapatan di dalam regresi kuantiti permintaan bagi sesuatu barangan ke atas harga, pendapatan dan lain-lain angkubah ialah 10.
- (i) Kirakan keanjalan pendapatan bagi permintaan untuk barangan ini pada tahap pendapatan RM10,000 dan jualan 80,000 unit.
- (ii) Berapakah keanjalan pendapatan bagi permintaan jika sekiranya jualan meningkat dari 80,000 unit ke 90,000 unit dan pendapatan meningkat dari RM10,000 ke RM11,000? Jenis barangan apakah yang ditunjukkan oleh keanjalan ini?

[25 markah]

...4/-

**Soalan 4**

(a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan purata (average) dan sut (marginal) bagi

- (1) pendapatan.
- (2) kos.
- (3) keuntungan.

(ii) Bagaimana firma menentukan tahap output yang memaksimumkan keuntungan?

Bagaimanakah anda akan bertindak sekiranya pengurus jualan membuat pengistiharan beliau akan mengadakan program pemasaran bagi memaksimumkan jualan?

(b) Dengan diberikan penjadualan jumlah produk

Kuantiti (Q)	0	1	2	3	4	5	6	7	8
Jumlah produk (TP) dalam RM	0	2	5	9	12	14	15	15	14

- (i) Buat penjadualan bagi purata produk (average product) dan produk marginal/sut (marginal product).
- (ii) Pada tahap paksi yang sama buat lakaran bagi jumlah produk, purata produk dan produk marginal/sut bagi bahagian (i).
- (iii) Terangkan perhubungan di antaranya.

[25 markah]

**Soalan 5**

- (a) (i) Struktur pasaran merupakan satu ciri penentuan tentang harga dan kuantiti pengeluaran. Buatlah lakaran dan terangkan analisisnya termasuk ciri-ciri bagi pasaran persaingan sempurna untuk jangka pendek.
- (ii) Berkait dengan soalan di atas, dalam keadaan apakah sepatutnya firma terus mengeluarkan barangan bagi jangka pendek walaupun firma menanggung kerugian (iaitu tahap terbaik pengeluaran di mana firma mengurangkan kerugian)?
- (iii) Apakah pulangan normal di dalam pelaburan termasuk sebahagian kos atau pun sebahagian keuntungan mengikut pandangan ekonomi pengurusan? Mengapa?
- (b) (i) Apakah tahap pengeluaran yang terbaik bagi firma persaingan sempurna di masa jangka panjang?
- (ii) Apakah skala optima bagi kilang untuk firma persaingan sempurna apabila firma di dalam keadaan ekuilibrium untuk jangka panjang.
- (c) Jika sekiranya fungsi permintaan (demand) dan penawaran (supply) untuk pizza di Kuala Lumpur merupakan persamaan berikut:

$$\begin{aligned} QD &= 10,000 - 1,000P \\ QS &= -2,000 + 1,000P \end{aligned}$$

- (i) Tentukan dengan cara algebra harga equilibrium dan kuantiti pizza.
- (ii) Lakarkan kelok permintaan pasaran dan penawaran, labelkan titik equilibrium sebagai E, dan lakarkan kelok penawaran yang dihadapi satu kedai pizza di dalam pasaran dengan andaian pasaran merupakan persaingan sempurna. Tunjukkan juga pendapatan sut (marginal revenue -MR) firma di dalam gambarajah tersebut.

[25 markah]

...6/-

**Soalan 6**

- (a) (i) Apakah yang membezakan ciri-ciri oligopoli jika dibandingkan dengan struktur pasaran yang lain? Apakah kelebihan bentuk pasaran ini?
- (ii) Dalam sektor manakah di dalam ekonomi yang begitu ketaranya pasaran oligopoli? Terangkan mengapa?
- (b) Bagi firma oligopoli terdapat kekakuan harga. Bincangkan dan buatkan lakaran bagi menunjukkan kekakuan harga tersebut dari segi (i) perubahan tahap kos, dan (ii) perubahan permintaan.
- (c) Dua firma di dalam kartel industri pengeluaran berlian menghadapi fungsi permintaan berikut:

$$Q = 120 - 10p \text{ atau } Q = 12 - 0.1p$$

Kos marginal (marginal cost - MC) dan purata jumlah kos (average total cost - ATC) bagi setiap firma adalah seperti berikut:

$$\begin{array}{l} MC_1 = 4 + 0.2Q_1 \text{ dan } ATC_1 = 4 + 0.1Q_1 \\ MC_2 = 2 + 0.2Q_2 \quad \quad \quad ATC_2 = 2 + 0.1Q_2 \end{array}$$

Tunjukkan lakaran tahap pengeluaran output dan harga bagi kartel, tahap pengeluaran bagi tiap-tiap firma di mana jumlah kos pengeluaran untuk kartel diminimakan dan kirakan keuntungan setiap unit dan jumlahnya bagi setiap firma.

[25 markah]

--ooo000ooo--